

# Fadhilat Imam Al-Akbar Sheikhul Azhar di NBD



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (kanan) semasa mengalau-alukan ketibaan Fadhilat Imam Al-Akbar Sheikhul Azhar, Kaherah, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed Muhammed El-Tayeb sejurus ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas (atas). Sementara gambar atas kanan, ketibaan Fadhilat Imam Al-Akbar Sheikhul Azhar, Kaherah, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed Muhammed El-Tayeb dialu-alukan oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 5 Mei. - Fadhilat Imam Al-Akbar Sheikhul Azhar, Kaherah, Tuan Yang Terutama Profesor Dr Sheikh Ahmed Muhammed El-Tayeb dan rombongan tiba di negara ini dalam rangka lawatan ke negara-negara ASEAN.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas (LTAB) bagi mengalau-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut berada di LTAB ialah

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang serta Pengarah dan Ketua Bahagian KHEU.

TYT adalah dalam rangka lawatan ke negara ini selama empat hari bermula 5 hingga 8 Mei 2018.

Lawatan tersebut adalah

bertujuan untuk mengerakkan lagi hubungan di antara KHEU dan Universiti Al Azhar terutama dalam bidang pendidikan Islam dan menyediari akan persamaan amalan-amalan Ugama Islam, iaitu yang mantap dan bersederhana.

Semasa lawatan itu, TYT akan mengadakan lawatan ke tempat-tempat menarik di negara ini dan akan mengadakan sesi 'Ceramah Khas' pada Isnin, 21 Syaaban 1439 Hijrah bersamaan 7 Mei 2018 Masih, bertempat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Sesi ceramah tersebut akan disampaikan oleh TYT sendiri dengan tajuk "Cabaran Umat Islam Dalam Menghadapi Ancaman Pengganas" (Challenges of Muslim Ummah in the Face of Terrorism) yang akan dibukakan kepada orang ramai.



## Keputusan HECAS 2018 bagi IPTA diumumkan 7 Mei

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 5 Mei. - Pengumuman bagi keputusan HECAS 2018 (Pengambilan Pusingan Pertama) untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), iaitu Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei dan Politiknik Brunei bagi Tahun Akademik 2018 / 2019 akan diumumkan pada Isnin, 7 Mei 2018, jam 8.30 pagi.

Senara pemohon-pemohon yang berjaya bolcholah didapati di laman sesawang HECAS, iaitu <http://www.hecas.edu.bn>.

Bagi pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kesukaran yang ditetapkan oleh IPTA dan berhasrat untuk membuat rayuan, mereka akan diberikan tiga hari waktu bekerja untuk menghadapkan Surat Rayuan dan dokumen berkenaan ke Pejabat Pengambilan di IPTA yang berkenaan dalam bentuk surat (*hardcopy*) atau e-mel pada waktu pejabat sabah.

Tajuk Surat Rayuan atau e-mel ialah 'APPEAL HECAS 2018 (1ST ROUND)'. Hari terakhir untuk menghadapkan Surat Rayuan dan dokumen berkenaan adalah Khamis, 10 Mei 2018 sebelum jam 4.30 petang.

Surat Rayuan dan dokumen yang berkenaan (*hardcopy*) hendaklah dihantar ke institusi, iaitu Pejabat Kemusakan dan Pereriakan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1310, Negara Brunei Darussalam atau hubungi +673 2462000; dan Pendaftar dan Setiausaha, [U.P. : Penolong Pendaftar Akademik], Pusat Staf dan Pelajar, Universiti Teknologi Brunei, Jalan Tunku Link, Gadong, BE1410, Negara Brunei Darussalam atau hubungi +673 2461020.

Mereka yang berkenaan juga boleh menghantar Surat Rayuan dan dokumen yang berkenaan melalui e-mel ke institusi, iaitu Pendaftar dan Setiausaha, [U.P. : Penolong Pendaftar Kemusakan dan Rekod Pelajar], Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tunku Link, Gadong, BE1410, Negara Brunei Darussalam. Atau hubungi +673 2460922/+673 2460923 atau e-mel : [office.admission@ubd.edu.bn](mailto:admission@ubd.edu.bn); dan Pendaftar Politiknik Brunei, Block 2E Ong Sum Ping Condominium, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311, Negara Brunei Darussalam, hubungi +673 2234466 atau e-mel : [admission.appeal@pb.edu.bn](mailto:admission.appeal@pb.edu.bn).

## HALUAN

### Perkasa, pelihara kefahaman, kedudukan Islam Ahli Sunnah Waljamaah

Dari muka 2

Kajian ilmiah mengenainya akan memperinci jelaskan 'Kcislaman' Brunei. Dari sana akan dapat dengan nyata diketahui kesan "ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah itu dan diyakini kewujarannya".

Saya sendiri berkeyakinan sedemikian setelah 'memba' penulisan awal dari sebuah kertas kerja Seminar Antarabangsa Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah yang terkumpul dalam buku terbitan Pusat Penerbitan KUPU SB, 2001. Kertas kerja berkenaan dimuatkan dalam Bab 7, muka surat 177 - 258 buku tersebut. Ia menemukan bahawa pemerintahan beraja Negara Brunei Darussalam dengan konsep dan falsafah kenegaraan MIB adalah *syariah compliant* menepati fahaman Ahli Sunnah Waljamaah dan bahkan menurut Mazhab Syaifi.

Saya menamakan kertas kerja tersebut adalah merupakan penulisan awal yang menyoroti fahaman Ahli Sunnah Waljamaah dalam sistem pemerintahan Brunei. Saya tidak pasti apakah ia mendapat perhatian daripada Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah di KUPU SB ini sendiri. Perhatian dalam cirta kata mendapat ada kesesuaiannya lalu ada keperluan untuk mengembangkan

penulisan awal itu dalam program kajian dan penyelidikannya.

Saya tahu ia setakat kajian oleh seorang yang bukan dari kalangan akademik dari mana-mana pusat pengajian tinggi, di luar atau dalam negeri. Tetapi subjek perkara tulisannya ialah melihat pengaruh dan kesan fahaman Ahli Sunnah Waljamaah terhadap sistem sosial politiknya, iaitu pemerintahannya sebagai sebuah negara MIB.

Beigitulah. Kita ini apabila menyebut ehwal ugama kita, ugama Islam seperti halnya fahaman Ahli Sunnah Waljamaah ini, kita cenderung membuat kajian dan termasuklah seolah-olah menuliskan semula kajian-kajian yang terdahulu pada zaman dahulu atau zaman kita sekarang. Dalam banyak hal dan keadaan kita pun bermoral-moral dengan kecemerlangan atau juga kemegahan ajaran Islam dan nilainya yang tinggi dalam semua aspek kehidupan.

Selapis itu apa? jarang pula kita menyoroti aplikasinya dalam realiti kehidupan kita sekakang.

Sebab itulah misalkan ada yang mengetengahkan keunggulan Islam dengan *maqasid syariahnya*, tetapi tidak ramai yang menyoroti dan mendapati betapa sebenarnya kita ini dalam berkehidupan individu, masyarakat, bangsa dan seterusnya bernegara sudah pun berada

dalam parameter *maqasid syariah* itu. Hal yang menyediakan ini adalah disebabkan pengaruh banyaknya berteori dan bernalostalgia tentang Islam sehingga merasakan kehidupan nyata sekarang tidak Islami dan malah ada yang menyebutnya sekular.

Saya sekali lagi ingin menekankan bahawa keadaan ini berpunca antara dari cara kita mengetengahkan Islam dan ajarannya dengan tidak melihat aplikasinya dalam aspek-aspek kehidupan yang nyata.

Beigitulah nanti boleh terjadi jika usa kita membangun dan memperskasakan, memelihara dan mengukuhkan kedudukan kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah itu lebih terarah kepada merespons bahaya amalan dan akidah fahaman aliran-aliran Islam yang lain terhadap amalan dan kepercayaan berbagai kaum kita.

Kita seolah-olah melihat cabaran terhadap kefahaman Ahli Sunnah di negara kita setakat datang dari aliran-aliran lain dalam agama Islam kita. Tidak datang dari fahaman-fahaman sosial-politik. Ya! Kita tidak melihat itu.

Atau kita terlihat ada cabaran lain yang berbangkit dari perkembangan semasa di luar negara termasuklah fahaman radikal dan pelampau ugama.

Saya tidak memperkecil cabaran dari perkembangan semasa sedemikian itu. Kerana saya memahami pemikiran

menganjurkan seminar aqidah Ahli Sunnah kali ini mengandungi juga seminar untuk pemikiran semasa. Maka seminar ini pun menjadilah Seminar Aqidah dan Pemikiran Semasa.

Namun saya melihatnya tidak salah jika pun tidak dalam pembentangan kertas, tetapi setakat perbincangan dan percakapan dalam seminar ini akan juga cuba melihat dan memikirkan akan bahaman atau pemikiran sosial-politik yang juga mencabar bahaman Ahli Sunnah Waljamaah dalam sistem negara-gara kita di Brunei khasnya.

Kesimpulannya apa pun namanya seminar ini namun harapan saya ia tetap akan membuatkan pemikiran hasil kajian dan penyelidikan mengenai bahaman Ahli Sunnah Waljamaah dan pemikiran semasa yang mencabar keutuhan bahaman berugama turun-turunnya yang kita anut di Brunei ini. Ianya terbukti serasi dengan Brunei sehingga mengekalkannya menjadi negara MIB yang aman damai, rakyat dan pemerintahan beraja berada dalam satu landasan yang kukuh, iaitu Islam yang menyatupadukan rakyat sesama rakyat dan rakyat dengan rajanya, saling bersefahaman membangun negara yang sejahtera berkebijakan dan aman.

Demikian. Semoga percakapan yang seadai ini akan ada faedahnya. *Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu Alaikeum Warahmatullahi Wabarakatuh.*